

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 10/01/2018

Majlis Khidmat Bakti Tahun 2018

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara/saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri dan Datin Sri - Datin Sri, Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

- 1. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul pada malam ini untuk meraikan seramai 363 orang pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam yang bersara atau tamat lantikan kontrak dalam Kerajaan.*
- 2. Majlis pada malam ini merupakan salah satu tanda penghargaan, kenangan dan penghormatan di atas segala sumbang bakti yang telah saudara dan saudari curahkan selama ini. Saya bagi pihak Kerajaan dan Perkhidmatan Awam ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh saudara dan saudari kepada Perkhidmatan Awam dan Negara.*

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 3. Dalam menjalani perjalanan hidup sebagai seorang penjawat awam, saya pasti saudara dan saudari telah banyak mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan, suka duka mahupun melakar kenangan atau sejarah yang tersendiri. Pengalaman kehidupan seumpama ini tidak dapat dibeli atau disamakan dengan mana-mana individu yang lain*

malah ia hanya boleh dicerita atau dikongsikan untuk tatapan generasi masa akan datang.

4. *Persaraan pastinya memberikan pelbagai pengertian bagi setiap penjawat awam terutama sekali buat saudara dan saudara sekalian. Apa yang pasti, setiap individu yang berkerja pasti melalui proses ini dan perlu melangkah ke fasa kehidupan seterusnya. Namun, ada dalam kalangan kita yang telah bersedia dengan dunia persaraan malah ada yang juga masih merindui suasana persekitaran tempat kerja dan rakan sepejabat lain.*
5. *Walaupun demikian, saya yakin bahawa kebanyakan daripada saudara dan saudari telah bersedia dan mempunyai perancangan yang tersendiri dalam meneruskan kehidupan bersama mereka yang tercinta.*
6. *Saya pasti ada di antara kita yang terus menikmati kehidupan dengan menjaga cucu atau cicit di rumah. Malah, ada dalam kalangan kita terus melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu-ilmu agama di surau, masjid dan rumah-rumah ibadat mengikut kepercayaan masing-masing. Saya berharap, apapun jua pendekatan atau keputusan yang diambil, **aspek kesihatan** tidak seharusnya dipandang ringan dan saudara dan saudari dapat meluangkan masa dengan penuh optimum.*

KEKAL AKTIF DALAM MENYAMPAIKAN DASAR KERAJAAN KEPADA RAKYAT

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. *Walaupun tempoh perkhidmatan dalam kerajaan telah tamat, saudara dan saudari masih **memainkan peranan yang penting dalam membantu Kerajaan untuk menyampaikan setiap maklumat dan dasar-dasar Kerajaan dengan tepat kepada rakyat.** Usaha seumpama ini bukan sahaja dapat memberi penjelasan yang sebenar kepada rakyat, malah ia dapat menghindarkan daripada maklumat-maklumat yang tidak tepat ditularkan kepada rakyat. Nescaya, **maklumat yang tidak tepat atau tidak***

berasas bukan sahaja mudah dipercayai malah apa yang membimbangkan ia dapat menjejaskan kestabilan ekonomi mahupun pembangunan Negara.

8. Melihat kepada corak dan perkembangan penyebaran maklumat masa kini, saudara dan saudari perlu **melibatkan diri dalam media-media sosial seperti twitter, FB dan sebagainya meskipun selepas persaraan.** Sekiranya terdapat sebarang tomahan atau informasi yang tidak berasas menyentuh mengenai dasar-dasar Kerajaan, saudara dan saudari seharusnya **bersama-sama membantu Kerajaan** dalam memberikan penjelasan yang sepatutnya.

9. **Hakikatnya, saudara dan saudari merupakan pengasas, pengerak malah tunjang kepada dasar-dasar yang telah diperkenalkan.** Saudara dan saudari yang menyemarakkan idea-idea ini dan memberi inspirasi kepada masyarakat dan generasi baru dalam **mendokong hasrat Kerajaan dan matlamat Negara ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50).**

10. Oleh yang demikian, saudara dan saudari perlu menjadi **kumpulan pesara yang aktif** bagi menjadikan negara kita antara 20 negara teratas dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat menjelang tahun 2050.

11. Namun, sekiranya saudara dan saudari mempunyai sebarang maklum balas, komen, input atau apa jua pandangan yang ingin dikongsikan dengan Kerajaan ia seharusnya **melalui landasan atau platform yang betul.** Apa yang pasti, peranan kita sebagai penjawat awam tidak akan terputus meskipun selepas kita bersara malah ia akan menjadi kayu ukur kepada pihak lain. **Sekiranya segala perkongsian ini tidak disalurkan dengan tepat ia bukan sahaja akan menjejaskan kredibiliti malah imej Perkhidmatan Awam sendiri.** Oleh itu, sentiasa berwaspada dan always keep in mind once a civil servant, always a civil servant.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pelbagai kemudahan dan inisiatif baharu telah diwujudkan oleh Kerajaan khususnya kepada pesara penjawat awam. Kita juga sedar bahawa salah satu keperluan utama bagi rakyat terutamanya melibatkan penjawat awam adalah **rumah mampu milik**. **Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** diperkenalkan untuk penjawat awam membeli rumah yang berharga lingkungan RM150,000 hingga RM300,000 bagi perumahan landed dan berstrata. Pada malam ini, saya ingin memaklumkan kepada para hadirin sekalian bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk **membenarkan anak-anak pesara Kerajaan untuk membeli rumah PPA1M**.
13. **Kemudahan perubatan** yang dinikmati oleh **ibu bapa penjawat awam**, kini **dapat terus dinikmati ibu bapa walaupun penjawat awam berkenaan sudah bersara**.
14. Inisiatif **1Malaysia Civil Service Retirement Support** atau **lebih dikenali sebagai 1Pesara** merupakan satu bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan kepada pesara penjawat awam.
15. Melalui inisiatif 1Pesara ini, Kerajaan menyediakan platform perkhidmatan yang mengambil kira keperluan pesara berdasarkan kepada empat teras utama iaitu Kesejahteraan Pesara, Panduan Bekerja Semula, Pengurusan Kewangan & Pembangunan Keusahawanan dan Kelangsungan Kesihatan.
16. Inisiatif **Beautiful Life For Seniors (BLFS)** juga turut diwujudkan dalam memberi hebahan dan perkongsian maklumat kepada warga emas **agar terus produktif** dalam menjalani kehidupan yang sejahtera dan bermakna melalui **lima bidang fokus utama**. Ia merangkumi, kesejahteraan pesara, advokasi kesihatan dan kecergasan, sukarelawan, pengurusan kewangan dan pembangunan usahawan sertaimbangan pekerjaan baharu-bekerja semula.

17. Apa yang menarik lagi, inisiatif **Seniors Volunteering Programme (SVP)** juga telah diperkenalkan di bawah iM4U dalam membawa warga emas sebagai ahli sukarelawan untuk membantu komuniti masyarakat dengan **aktiviti-aktiviti dan program kemasyarakatan yang memberi impak tinggi kepada rakyat.**
18. Melihat kepada inisiatif-inisiatif seumpama ini, ia bukan sahaja meletakkan penglibatan pesara dalam aktiviti sukarela dan kemasyarakatan, malah ia secara tidak langsung meningkatkan **'feelings of purpose and meaning in life' kepada diri pesara.** Malah dengan adanya inisiatif ini, golongan pesara akan terus kekal aktif dan produktif yang menyumbang **ke arah gaya hidup yang lebih baik selepas persaraan.**
19. Apa yang pasti, pelbagai inisiatif yang telah dirangka dan diwujudkan memberikan gambaran yang jelas bahawa **Kerajaan tetap memelihara dan tidak meminggirkan penjawat awam walaupun selepas bersara daripada Perkhidmatan Awam.** Kesetiaan dan kepercayaan ini tetap di hati Kerajaan kerana saudara dan saudari merupakan golongan yang penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, teruslah menabur jasa dan khidmat bakti saudara dan saudari kepada Perkhidmatan Awam dan Negara meskipun sebagai pesara kerajaan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Sekali lagi, saya mewakili pihak Kerajaan ingin mengucapkan "Selamat Bersara" dan setinggi-tinggi penghargaan kepada saudara dan saudari atas jasa dan khidmat bakti dalam memartabatkan Perkhidmatan Awam.

21. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang diraikan dan semoga saudara dan saudari sekalian akan terus dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan kesihatan yang baik serta rezeki yang berpanjangan. Semoga Majlis Khidmat Bakti pada malam ini akan menjadi kenangan dan memori yang indah dan bermakna kepada kita semua.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19211/Majlis-Khidmat-Bakti-Tahun-2018>